

Puisi

Hadijah Rahmat

SITI HAJAR

Wahai Siti Hajar
Betapa luar biasa latar hidupmu.
Dari seorang hamba abdi
Kau dihadiahkan oleh seorang pembesar Mesir
kepada Siti Sarah, isteri pertama Ibrahim A.S.
Kemudian Sarah yang rupawan, rela pula dimadukan denganmu,
Kerana telah lama Ibrahim belum mendapat zuriat dengannya,
sedang usia Ibrahim sudah menjangkau lebih 85 tahun.
Dari seorang hamba dari benua Afrika, kau pun bertukar
menjadi isteri terhormat Nabi Ibrahim A.S.
Bapa kepada para nabi-nabi mulia.

Wahai Siti Hajar,
Betapa setianya kau sebagai seorang isteri
melahirkan Ismail, dari keturunannya lahir Muhammad, Rasullullah.
Kau teguh patuh pada perintah Allah dan tindakan sang suami
Sanggup ditinggalkan sendirian bersama anak yang dikasih
di lembah gurun gersang sepi, tanpa perlindungan pasti
hanya iman, tawakal bekalan diri.

Wahai Siti Hajar,
Betapa besar perjuanganmu sebagai seorang ibu
menjaga, berusaha gigih mencari air untuk anakmu.
Kau tidak putus asa, tabah meneroka bebukit Safa Marwa
Demi cinta, demi taqwa, sehingga datang
pertolongan luar biasa dari Allah.
Air, air tiba-tiba mengalir, bukti usaha dan cintamu sebagai ibu anak tercinta.
Seperti api, api, api besar yang membakar suamimu, bertukar dingin
Bukti kehebatan keimanannya pada Allah.
Air dan Api, Air dan Api
Lambang cinta, lambang taqwa
Hajar dan Ibrahim pada Tuhan mereka
Sungguh kau berdua, pasangan hidup paling istimewa!

Wahai Siti Hajar,

Betapa berat tanggungjawabmu menjaga anakmu sendirian di lembah bertuah,
Sehingga terpaksa berkongsi wadi dengan sekumpulan pengembara asing
Tabah kau membesarinya sehingga Ismail remaja, barulah suamimu kembali semula
datang bawa cabaran lebih berat, perintah menyembelih anak yang kau pelihara.
Ternyata, sejarah membuktikan ketabahan dan teguhnya iman kau sekeluarga.

Wahai Siti Hajar,

Betapa mulianya darjat yang dianugerahkan Tuhan padamu.
Rumah tempat engkau membesarakan anakmu, Hijir Ismail,
telah dijadikan sebahagian dari Rumah Allah, Kaaba.
Rumah Allah, Baitullah, yang bersegi empat ini, diimbangi, dihiasi pula
dengan lingkung separuh bulatan rumahmu, lambang jubahmu.
Rumah seorang hamba wanita Afrika ini letak bersebelahan Rumah Allah.
Makammu pula terletak di rukun ketiga Kaaba.
Setiap tetamu Allah yang datang, untuk tawaf mengelilingi Kaaba
Haruslah mengelilingi rumahmu. Singgah berteduh di rumahmu juga.
Solat di rumahmu dikatakan sama nilainya seperti solat di dalam Rumah Allah.
Begini tinggi darjatmu dalam cakerawala taqwa.
Begini mulia hamba wanita ini di mata Allah! Subhanallah!

Wahai Siti Hajar,

Sesungguhnya kau wanita, isteri, ibu, hamba pilihan.
Jantina, keturunan, rupa, usia, harta, pangkat, status
Bukan ukuran atau nilai kehormatan mutlak martabat insanul kamil.
Bukan! Semua ukuran duniawi itu tidak dipandang Tuhan. Tidak.
Sesungguhnya kau insan termulia, insan teladan semua insan, lelaki, apatah lagi perempuan.
Dalam keimanan, kepatuhan, kegigihan, keredhaan mengisi amanah, tanggungjawab
Kau telah dianugerahi kemuliaan tertinggi, diletakkan paling dekat di sisi Tuhan,
terus diingati, dihayati sepanjang zaman, proses haji, tawaf dan sai,
kembali ke pangkal keimanan dan perjuangan insan.

Wahai Siti Hajar

Betapa besar dalam makna kebaikan, kemuliaan hidupmu
Betapa indah citra, rahsia yang terhimpun di Hijir Ismailmu.

Wahai Siti Hajar
Kau adalah bukti nyata
Islam penuh kebaikan,
Islam penuh keindahan.

31 Disember 2013
28 Safar 1435 H

MAKAM IBRAHIM A.S.

(*Penghormatan kepada Profesor Ali Shariati dan Mufti Musa Menk*)

Betapa agung namamu
Pemimpin tiga agama besar dunia
disanjungi Islam, Kristian, Judisme.
Bapa kepada para nabi terkemudian
Terpahat makna etimologi namamu, IB dan RAHIM, Ayah yang Pemurah.
Pengasas kepercayaan pada Tuhan yang Esa, monotheisme.

Betapa mulia namamu
73 kali disebut dalam al-Qur'an, dalam 25 Surah
dan sebuah surah khas tersurat atas namamu.
Al-Qur'an mengukirkan kau sebagai Imam Teladan
Insan Cemerlang, seorang Hanif, berpegang teguh pada kebenaran,
kerana agama yang lurus, tidak sekali pun kau mempersekuatkan Allah
biarpun lahir dalam keluarga pembuat berhala dan hidup
di lingkungan masyarakat paganism.

Betapa hebat gelarmu
diangkat sebagai Khalil Allah, Sahabat Allah.
Perjuangan kenabianmu teramat berat mengugat
bijaksana sungguh kau memusnahkan pepatung berhala,
berani ditentang ayah dan kaum, raja sendiri
hingga dibakar hidup-hidup Nimrud raja durjana, yang mahu jadi Tuhan, tapi tersungkur mati
terketuk nyawa dek seekor serangga hinggap masuk ke hidung/telinga.
Kau terpaksa keluar mengembara dari kota Ur, Harran, Mesir, Syria, Palestin ke Mekah demi
syiar agamamu, pengembaraan yang panjang
sanggup meninggalkan isteri anak tercinta di gurun tandus berbahaya
rela redha pula menyembelih putera yang amat dikasihi-
semuanya kerana cinta tidak berbelah bagi, patuh setia, pada perintah-Nya.
Ternyata kau Sahabat Allah sebenarnya, sesungguhnya.

Betapa luar biasa sifatmu.

Kau mempunyai hati yang suci (Qur'an 37:84)

Sangat lembut jiwanya lagi seorang yang penyantun (9:14).

Kau juga seorang yang penghiba dan suka kembali kepada Allah (11:75)

Hatibudi, akalbudi, budibicara dan budipekertimu tiada tandingannya

Kau mendidik, berdakwah dengan ilmu, semangat, keberanian luar biasa.

Api, matahari, bulan, bintang, burung-burung adalah saksi-saksi sejarah.

Betapa besar sumbanganmu,

Kau pembina Rumah Allah, Kaaba, bersama Ismail, anakmu.

Rumah ini, Baitullah, adalah Rumah Kemanusiaan pertama atas bumi ini

Kau membina sejarah, dengan asas utuh iman lebih empat ribu tahun lalu.

Lantas telah menukar lembah gersang menjadi wadi kehidupan subur,

Kau telah memuliakan Bacca, menjadi Mekah dengan pembinaan Rumah Suci ini,

Betapa mustajabnya doamu sesudah menyiapkannya, sehingga cair batu yang kau pijaki,
menjadi citra mulia jejak tapak didikan berkekalan

ketika memohon keamanan kesentosaan untuk penduduk beriman

tanah bertuah, tanah haram ini sehingga kini.

Betapa besar warisanmu

Rumah Allah yang kau bina terus makmur, terus berfungsi

sebagai ikon, tali kesatuan, kekuatan ummah dan kesejagatan Islam yang abadi.

Ibadah haji, ibadahmu, menjadi salah satu rukun Islam yang lima.

Penyembelihanmu atas nama Allah, kini kewajipan makanan daging halal;

Selawat ke atasmu dan keluargamu wahai Sahabat Allah,

erat padu seiring dengan selawat ke atas Kekasih Allah, Nabi Muhammad SAW dan keluarga
baginda, terucap dalam setiap solat.

Subhanallah!

Ibrahim A.S., Sahabat Allah

Berdiri aku di belakang makamu, bekas tapak kakimu,

Bukan sekadar salam, bukan sekadar selawat ke atasmu dan keluargamu,

Bukan sekadar solat sunat, pelengkap ibadah tawaf. Bukan. Bukan.

Akan kucuba mengisi jejak-jejak langkah perjalanan sejarah

akan kucuba teruskan perjuangan jejak-jejak langkah perjalanan rohaniah
terus menghayati, menyumbang, membina jiwa agama, jiwa kemanusiaannya.

Ya Allah, Kau Maha Mengetahui, Maha Berkuasa, Maha Bijaksana

kumohon keampunan, kekuatan, Petunjuk dan Cahaya Hidayah-Mu.

2013

ISSN 1675-7513